

Kanser: NC UPM tamat perkhidmatan lebih awal

KUALA LUMPUR 31 Dis. - Datuk Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi menamatkan perkhidmatannya sebagai Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) berkuatkuasa hari ini, se-

tahun lebih awal daripada kontrak sebenar atas faktor kesihatan.



Menurut Radin Umar (**gambar**), 51, beliau yang berkhidmat sejak 1 Januari 2011 terpaksa melepaskan jawatan lebih awal dari tarikh tamat kontrak iaitu pada 31 Disember 2013 bagi memberi tumpuan pada rawatan susulan penyakit kanser yang dihidapinya.

Katanya, beliau gembira dengan pelbagai kejayaan dan pencapaian yang telah diperolehi UPM sepanjang berkhidmat selama dua tahun.

“Antara kejayaan itu ialah lonjakan hampir 300 peratus dalam penerbitan berkualiti khususnya jurnal berimpak faktor tinggi sepanjang dua tahun lalu merupakan antara kejayaan yang dicapai UPM.

“Pencapaian positif ini merupakan hasil usaha dan kerjasama seluruh kakitangan UPM dalam mewujudkan ekosistem penyelidikan yang komprehensif di fakulti dan institut serta membangun program pendidikan yang dinamik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menekan keluar kad perakam waktu pada komputer sebagai mengakhiri perkhidmatannya di pejabat pentadbiran UPM, di sini hari ini.

Radin Umar sebelum ini pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi dan Pengarah Institut Kajian Keselamatan Jalan Raya (Miros), Kementerian Pengangkutan.